

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9694

SOALAN:

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hukuman rotan di Malaysia bagi kesalahan-kesalahan Imigresen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) merupakan sumber perundangan utama dan penting dalam menangani kesalahan-kesalahan imigresen terutamanya dalam mencegah masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara yang merupakan isu utama berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.

Sebagai contoh, pindaan yang dibuat melalui Akta Imigresen (Pindaan) 2002 (Akta A1154) antaranya meminda Seksyen 6 Akta 155 dengan mengenakan hukuman sebat bagi kesalahan memasuki negara ini secara tidak sah walaupun buat kali pertama. Pindaan yang diluluskan pada 8 April 2002 di Dewan Rakyat bertujuan untuk memastikan supaya kehadiran warganegara asing tidak mengancam keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian rakyat Malaysia.

Justeru itu, apa-apa cadangan pemansuhan terhadap hukuman tersebut memerlukan kajian yang teliti dan keputusan dasar oleh pihak Kerajaan.

SOALAN (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2017 [ISNIN]

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

SOALAN :

YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pelan pembangunan masa hadapan negara khususnya di daerah Kinabatangan bersesuaian dengan kawasan terbesar penanaman kelapa sawit dan status terpencil di luar bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat". Ini merupakan komitmen utama Kerajaan. Projek yang diberi tumpuan utama dalam RMK11 adalah inklusif dan berteraskan rakyat seperti kemudahan kesihatan, pendidikan, pertanian dan infrastruktur asas seperti jalan. Selain meningkatkan kualiti hidup rakyat, ia memberi kesan berganda kepada pembangunan ekonomi

Selaras dengan komitmen tersebut, Parlimen Kinabatangan juga tidak terkecuali daripada menerima manfaat daripada pelan pembangunan negara lima tahun berkenaan. Bagi tahun 2017, peruntukan sebanyak RM88 juta disediakan bagi Parlimen Kinabatangan bagi melaksana dan menyiapkan 19 projek pembangunan. Tumpuan pembangunan di kawasan Parlimen ini dalam tahun 2017 adalah peningkatan akses perhubungan melalui 5 jalan luar bandar (RM46 juta) dan projek Pembinaan Jalan Raya Tongod-Pinangah sebanyak RM15 juta di bawah pembangunan koridor.

Bagi aspek kesihatan, sebuah klinik kesihatan baharu akan dibina di Daerah Tongod, Parlimen Kinabatangan. Pendidikan yang berkualiti disediakan melalui pembinaan 2 sekolah menengah dan satu sekolah rendah di Daerah Telupid dan Tongod. Selain itu, sebanyak RM2 juta disediakan bagi menyiapkan projek Pembinaan Pusat Kemajuan Peladang Tongod, Sabah bagi meningkatkan perkhidmatan sektor pertanian di Parlimen Kinabatangan kelak.

Sekian, terima kasih.

3 April 2017